

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
(SEPANGGAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.11.2017

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah pemantauan terhadap pelabur asing bagi mengelakkan mereka terlibat dengan manipulasi mata wang Ringgit negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, setiap aktiviti perdagangan mata wang Ringgit di dalam negara memerlukan aset pendasar (*underlying asset*) bagi memastikan kegiatan manipulasi tidak berlaku.

2. Sehubungan itu, pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti manipulasi mata wang Ringgit dilaksanakan di beberapa peringkat. Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengukuhkan garis panduan sedia ada

semenjak November 2016 dengan memperkenalkan langkah-langkah berikut:

- a. Bank-bank tempatan diarahkan untuk membuat pengesahan bahawa mereka tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam urus niaga kontrak hadapan tanpa serahan ("*non-deliverable forward, NDF*") yang diniagakan di luar persisir.
- b. Bank-bank asing juga perlu membuat pengesahan yang sama jika mereka ingin menjalankan urus niaga ringgit di pasaran domestik.
- c. BNM memperkenalkan rangka kerja perlindungan nilai dinamik (*dynamic hedging*) yang memerlukan pengurus dana tempatan dan asing untuk mendaftar sebelum menjalankan urus niaga berkenaan.

3. Langkah-langkah ini telah menarik pelabur asing untuk menjalankan keperluan urus niaga Ringgit di pasaran tempatan. Keadaan ini membolehkan BNM melakukan pemantauan yang lebih berkesan kerana hampir keseluruhan urus niaga Ringgit dijalankan di Malaysia dan tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

4. Di samping itu, BNM turut mewajibkan bank yang beroperasi di Malaysia untuk menjalankan proses kenali-pelanggan-anda ("*know your customer, KYC*") dengan menyiasat latar belakang pelanggan

dan menyemak dokumentasi berkaitan untuk memastikan pelanggan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan termasuklah aktiviti manipulasi mata wang. Seterusnya, bank berkenaan perlu melaporkan setiap transaksi pertukaran mata wang yang dijalankan secara harian kepada BNM.

5. Selain itu, pihak BNM sentiasa memantau pergerakan kadar pertukaran Ringgit dan bersedia untuk campur tangan sekiranya pergerakan Ringgit dianggap keterlaluan. Dengan adanya langkah-langkah pemantauan ini, sebarang pergerakan mendadak yang dijangka disebabkan oleh aktiviti spekulasi dapat dikesan dan dibendung di peringkat awal.

Soalan (38)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]

SOALAN :-

YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha mencegah berlakunya tragedi kebakaran di sekolah-sekolah sepertimana yang berlaku di tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.